



MAKLUMAT KESIHATAN MENGENAI PERKEMBANGAN KES PENYAKIT PNEUMONIA DI WUHAN, CHINA

1. Berikutan dengan siaran akhbar Kementerian Kesihatan yang dikeluarkan pada 6 Januari 2020 mengenai kes penyakit pneumonia di Wuhan, Wilayah Hubei, China, Kementerian Kesihatan ingin memaklumkan kepada orang ramai mengenai beberapa perkembangan jangkitan berkenaan.
2. Pada 11 Januari 2020, pihak berkuasa di China telah mengesahkan penemuan sejenis *coronavirus* yang belum pernah ditemui sebelum ini pada beberapa kes jangkitan tersebut. *Coronavirus* baru ini sekarang dikenali sebagai *2019-nCoV* dan setakat 23 Januari 2020 jam 1 pagi, sebanyak 554 kes telah disahkan dijangkiti virus ini di China di mana 17 orang daripadanya telah meninggal dunia dan kebanyakan wilayah di China telah melaporkan adanya kes jangkitan tersebut, termasuk Taiwan dan Macau. Selain itu, jangkitan virus tersebut juga telah disahkan di beberapa buah negara iaitu Thailand, Jepun, Korea Selatan dan Amerika Syarikat. Kesemua kes-kes yang dilaporkan di luar China mempunyai sejarah perjalanan ke Wuhan, China dalam masa 14 hari sebelum menunjukkan tanda-tanda jangkitan. Dalam pada itu, terdapat juga laporan yang belum disahkan mengenai beberapa kes lagi di beberapa buah negara lain.
3. Pada masa ini, punca jangkitan masih belum diketahui dan pertubuhan-pertubuhan kesihatan antarabangsa sedang bertungkus-lumus dengan negara-negara yang terlibat untuk memahami keadaan jangkitan ini dan cara-cara pengawalannya. Dalam pada itu, terdapat juga laporan mengenai penularan jangkitan tersebut dari manusia ke manusia.
4. Oleh yang demikian, Kementerian Kesihatan Negara Brunei Darussalam telah meningkatkan langkah-langkah kewaspadaan di

pintu masuk utama ke negara ini dengan memperkenalkan semula penggunaan pemeriksaan suhu badan bagi penumpang-penumpang yang tiba di negara ini, khususnya dari bandaraya-bandaraya di China. Penggunaan *thermal scanning* telah bermula di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei pada 21 Januari 2020. Selain itu, Borang Pengisytiharan Kesihatan juga akan diguna semula bagi penerbangan-penerbangan yang tiba dari bandaraya-bandaraya di China. **Alhamdulillah setakat ini, tidak ada kes jangkitan pernafasan akut yang teruk dikesan di Negara Brunei Darussalam, yang berkaitan dengan kejadian di China.**

5. Dalam pada itu, Kementerian Kesihatan juga menasihatkan orang ramai untuk mengelakkan atau menangguhkan sebarang perjalanan yang tidak penting ke tempat-tempat yang diketahui terlibat dengan kejadian jangkitan virus 2019-nCoV.
6. Sebagai langkah berjaga-jaga, orang ramai adalah juga dinasihatkan untuk mengamalkan amalan kesihatan yang baik pada setiap masa:
 - Elakkan dari menyentuh haiwan hidup yang sakit termasuk ternakan dan burung;
 - Elakkan dari memakan daging yang mentah atau tidak dimasak dengan sempurna;
 - Elakkan dari mendekati orang yang sakit, kurang sihat atau menunjukkan tanda-tanda penyakit seperti demam panas, batuk atau sesak nafas;
 - Mengekalkan tahap kebersihan diri;
 - Kerap membasuh tangan dengan air yang bersih dan sabun (terutamanya sebelum mengendalikan makanan, sebelum makan, selepas menggunakan tandas, atau selepas batuk atau bersin);
 - Memakai penutup muka (*mask*) jika awda mempunyai tanda-tanda jangkitan pernafasan seperti batuk atau selsema;
 - Menutup mulut dengan tisu ketika batuk atau bersin, dan membuang tisu itu ke dalam tong sampah dengan segera; dan
 - Mendapatkan rawatan perubatan dengan segera jika awda merasa kurang sihat.

7. Kementerian Kesihatan akan terus memastikan tahap kesiapsiagaan, dan bekerjasama dengan pihak W.H.O serta negara-negara jiran bagi mengawal keadaan ini. Kementerian Kesihatan juga akan memaklumkan orang ramai dari masa ke masa mengenai sebarang perkembangan terkini dan apa jua langkah-langkah yang perlu dilaksanakan. Bagi maklumat lanjut, orang ramai boleh menghubungi Talian Darussalam 123 atau melalui laman sesawang www.moh.gov.bn.

-TAMAT-

Tarikh : 27 Jamaddilawal 1441H / 23 Januari 2020
Rujukan : KK/PR/3